

Lagi Ahli Parlimen PN akan sokong Anwar

PETALING JAYA: Sekurang-kurangnya tujuh atau lapan ahli Parlimen daripada Perikatan Nasional (PN) bersedia untuk menyatakan sokongan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perkara itu didedahkan oleh Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal yang sebelum ini turut menyertai lima ahli Parlimen daripada parti tersebut menyatakan sokongan terhadap kerajaan dalam tempoh tiga bulan sebelum ini.

Katanya, beliau membuat dakwaan sedemikian kerana mereka berhubung dengan beliau untuk menyatakan sokongan

tersebut.

“Dulu ada lima ke enam orang ahli Parlimen. Sekarang ada tujuh ke lapan orang ahli Parlimen yang akan sokong Perdana Menteri.

“Nama tak boleh umum lagi, tunggu masa dan lihat akan ada pengumuman mereka yang akan menyokong kerajaan. Insya-Allah, dalam masa terdekat, daripada PN dan beberapa negeri,” katanya dalam sidang akhbar di kediamannya semalam.

Katanya, semakin ramai Ahli Parlimen PN bersedia berbuat demikian kerana keengganan pucuk pimpinan mengadakan rundingan rasmi dengan pihak kerajaan berhubung peruntu-

kan kawasan.

“Ramai Ahli Parlimen PN tanya kenapa tak dapat peruntukan. Kerajaan suruh runding, kenapa tak runding. Ahli Parlimen daripada Pas pun merungut juga tak ada peruntukan, tapi mereka dengan cara mereka, jadi mereka teruskan.

“Saya orang parti dan apa usaha yang dilakukan PN, saya berikan masa, walaupun tegur banyak kali tapi sehingga setahun pun tak boleh runding malah ada dua orang lagi keluar dan sebab itu akan ada beberapa orang lagi akan keluar,” katanya.

Katanya, jika PN terus berdegil enggan berunding dengan pihak kerajaan, golongan pengundi

Melayu mungkin tidak mendapat pembelaan sewajarnya.

“Apa akan jadi pada PN, mereka jaga kawasan Melayu dan kalau tak bersedia untuk berunding maknanya tak dapat peruntukan, dah setahun tak berunding apa cerita.

“Kalau tak mampu berunding, lantiklah wakil yang boleh berunding. Sebagai ahli Parlimen dalam negara demokrasi, patutnya ahli Parlimen membangkang lebih terbuka dan gentleman.

“Saya tak boleh tunggu begitu lama nak tebuk atap. Sekarang atap dah tak ada, yang ada bumbung konkrit, bukan senang nak tebuk,” katanya.